

MELALUI PINTU PENYERAHAN

oleh **Susan Cummings**

(Diterjemahkan dari Bahasa Inggeris kepada Bahasa Malaysia oleh LW)

Visi yang dipanggil, Melalui Pintu Penyerahan oleh Susan Cummings.

Dalam satu visi, saya nampak satu pemandangan terbentang di depan saya. Ia adalah satu visi mengenai satu pekan atau perkampungan yang purba. Terdapat tembok-tembok batu yang mengelilingi perkampungan ini dan tembok-tembok tersebut adalah tebal dan tinggi. Batu-batunya adalah lama dan terdapat tumbuh-tumbuhan yang tumbuh di dalam beberapa retakan di tembok-tembok batu.

Pemandangan ini adalah hampir sudah lewat. Saya nampak beberapa orang duduk di sekeliling dan berdekatan tembok-tembok pekan tersebut. Ada yang berkhemah di luar tembok-tembok sambil duduk di tepi api, dan ada yang berjalan-jalan mengelilingi tembok-tembok untuk pergi ke sebelah. Saya tidak nampak apa yang ada di sebelah, jadi saya terus memerhatikan pemandangan yang terbentang di depan saya.

Saya mengkaji tembok-tembok tersebut untuk beberapa minit. Tembok-tembok tersebut adalah lama, seperti yang saya perhatikan dari awal lagi. Tembok-tembok ini adalah sangat tinggi dan lebar dan mempunyai celah-celahan di sini dan di sana untuk tingkap-tingkap, saya meneka. Tiada pintu-pintu masuk di bahagian tembok ini kecuali untuk satu pintu yang sangat lama. Pintu lama ini telah disekat dengan sepenuhnya oleh semak-semak liar berduri dan tumbuh-tumbuhan lain.

Itu mungkin sebabnya orang sedang berjalan mengelilingi ke sebelah tembok pekan tersebut. Nampaknya seperti tiada orang yang belum membersihkan pintu tersebut ataupun melaluinya untuk seketika. Apa yang ada di sebelah tembok di sini adalah hanya satu khemah beberapa orang dan belukar-belukar di sana dan sini.

Saya rasa ingin tahu dan mahu melihat pintu ini. Dengan serta-merta, apabila saya berfikir tentang pintu ini, saya dibawa mendekati pintu ini di dalam visi.

Pintu tersebut memang bersemak dan boleh dirasai tidak sedap hati melihatnya. Saya, mungkin berfikir dua kali untuk menghadapi semak-semak liar berduri sebelum masuk. Ia mungkin menyebabkan kamu seperti dibelasah dan dicakar jika anda cuba mengalihkan semua ini daripada pintu tersebut. Pintu tersebut didapati bertutup apabila saya melihat dengan teliti melalui semak-semak liar berduri. Ia adalah berat dan ada satu kunci besar yang masih terletak di dalam lubang kunci pintu. Tiada orang yang ingin bersusah payah mengalihkan kunci ini.

Saya ketawa dengan diri saya kerana tiada orang yang akan mengambil kunci ini kerana semak-semak yang tumbuh di sekeliling pintu ini! Saya berdiri dan melihat pintu tersebut. Saya nampak satu inskripsi di atas pintu. Adalah sukar untuk membacanya kerana ada semak-semak liar berduri yang sudah tumbuh menutupinya. Walaupun begitu, saya berdiri dan mencapai ke dalam untuk mengalihkan sebahagian ranting-ranting. Inskripsi tersebut sangat lama dan tertulis ke dalam batu di atas pintu. Ia dibaca, "Penyerahan".

Saya berundur ke belakang dan tertanya-tanya berapa lama ia sudah ada di sini. Siapa yang buat dan kenapa ia tidak lagi digunakan. Saya tertanya-tanya kenapa tiada orang yang mengambil peduli untuk membersihkan laluan ini dan menggunakan satu pintu yang boleh membawa mereka masuk ke pekan tersebut.

Tuhan kemudiannya bercakap dengan saya, dan berfirman, "Penyerahan adalah pintu yang paling kurang digunakan."

Saya berpusing dan Tuhan berdiri di tepi saya. Dia menunjuk pada pintu tersebut.

Dia berfirman, "Pintu ini adalah yang paling berharga dan yang paling tidak dikenali. Ia adalah yang paling dibenci dan paling ditakuti dan manusia akan berusaha berbuat apa saja untuk tidak memasukinya dan melaluinya walaupun ia adalah pintu masuk yang paling cepat ke pekan tersebut."

"Seperti apa yang kamu sudah teka, pekan ini melambangkan Rumah Saya dan keadaan semasanya adalah kopak-kapik dan memerlukan mutu hasil kerja. Banyak pintu tetapi pintu-pintu yang paling penting sering disalahgunakan, diabaikan, dikawalkan atau dalam keadaan teruk. Yang paling digunakan adalah yang boleh membawa kepada urusan-urusan atau tempat-tempat perkumpulan mereka."

Dia kemudiannya berjalan ke semak-semak liar berduri dan mengambil satu ke dalam tangannya.

Dia menuding dan berfirman kepada saya, "Bolehkan kamu masuk melalui pintu ini?" Saya menggeleng kepala saya, dan berkata, "Tanpa membersihkan laluan tersebut dulu."

Tuhan tersenyum lebar. "Ya," Dia berfirman, "Inilah yang Saya sedang lakukan."

"Ramai yang fikir yang mereka boleh melencong (memintasi) pintu ini dan masuk ke dalam apa yang Saya buat pada masa ini dan melalui satu jalan lagi. Tiada pintu yang lain yang boleh dilalui oleh manusia. SAYA ADALAH Pintu itu, dan sesiapa yang datang ke Bapa, hanya boleh datang masuk ke dalam di sini. Hanya melalui penyerahan sepenuhnya kepada Saya, yang mereka benar-benar boleh masuk ke dalam."

"Saya bukan saja bercakap tentang perihal diselamatkan. Saya mempunyai banyak domba di banyak padang rumput."

"Saya bercakap tentang mendiami Saya dengan sepenuhnya. Penyerahan berlaku apabila kamu benar-benar mengorbankan semua perkara (keadaan, kehidupan, benda), dan mengambil Kok (Pengandar) Saya ke atas kamu, dan meminum dari Cawan Saya. Tidak banyak yang boleh. Ramai yang mengambil Nama Saya, Darah Saya, Firman Saya dan Takhta Saya dan memanggilnya milik mereka. Tidak banyak yang benar-benar mati dan meletakkan diri mereka di Kaki Saya dan memberikan hidup mereka kepada saya untuk dijadikan kepada Imej Saya. Tidak banyak yang mahu menyerupai Saya, berfikir seperti Saya, dan hidup seperti Saya. Lagi tidak banyak, yang menyerahkan sepenuhnya kepada Saya."

"Saya datang kepada orang yang dimiliki oleh Saya. Yang telah menyerahkan sepenuhnya kepada Saya dan hidup bersalib. Saya datang kepada yang menanggung Salib Saya dan meminum dari Cawan Saya. Saya datang kepada yang mengenali Penderitaan Saya dan Kegembiraan Saya. Saya datang kepada yang menanggung Tanda Saya dan yang menanggung Nama Saya di dalam mereka. Sememangnya saya menulis Firman Saya dan Nama Saya di atas hati dan minda umat Saya. Yang telah memberikan hati dan minda mereka kepada Saya dan yang sepenuhnya berjalan dalam Cara-cara Saya. Inilah yang juga menanggung celaan manusia di dalam badan mereka dan yang menanggung Kesucian Saya di dalam mereka. Mereka membenarkan kerja Bapa Saya membakar di dalam dan di luar mereka. Inilah Umat Muhsin (Baik) yang sebenarnya."

Yesus berundur dan melangkah lebih dekat di mana saya sedang berdiri. Dia melihat saya dan berfirman, "Saya mahu kamu masuk ke dalam pintu tersebut."

Saya sekali lagi melihat pintu tersebut dan semak-semak liar berduri. Saya menelan air liur saya dan berkata, "Okey. Saya akan membersihkan jalan itu. Saya akan membukanya lagi untuk laluan orang lain."

Saya berpusing dan mula mencapai semak-semak liar berduri. Saya menarik tetapi ranting-ranting tidak berganjak dengan senang. Semak-semak liar berduri tidak bergerak. Mereka seolah-olah beku di tempatnya. Mereka sangat kuat dan mengikut edaran masa, sudah tumbuh dengan kukuh di dalam tanah. Ini akan memerlukan kerja keras.

Saya berusaha sedaya upaya dan mencari jalan untuk menggerakkan ranting-rantingnya. Nampaknya tiada jalan lain. Saya melihat sekitar untuk benda yang boleh digunakan untuk menggali. Saya berfikir kalau saya menggali akar-akarnya, saya boleh menarik setiap belukar satu persatu. Akan tetapi, tiada yang dijumpai. Tuhan masih berdiri di sana dan Dia pun tiada penyodok.

Dia memerhatikan saya dengan asyiknya. Saya mula merasa hampa dan berdiri. Semak-semak liar berduri bukan saja tidak berganjak tetapi telah mencalarkan dan menggeserkan saya. Saya tiada perkembangan. Saya melihat semak-semak liar berduri dan duduk.

Saya meneliti tembok-tembok tersebut dan tiada apapun yang di sekitarnya yang boleh digunakan untuk penuilan, yang boleh mengumpul. Tiada papan. Ada beberapa orang berkhemah lebih jauh dari saya tetapi mereka hanya memerhatikan saya. "Tiada minat untuk menolong saya," saya berfikir.

Tuhan duduk bersebelahan dengan saya. Dia berfirman kepada saya, "Kamu tidak boleh mengalihkan mereka dengan usaha-usaha sendiri."

"Manusia membuat kesilapan dengan berfikir mereka boleh berusaha dengan sendiri untuk mencari jalan menuju ke Saya. Mereka boleh membersihkan hidup mereka dan dengan sendiri memperbetulkan keadaan. Hanya apabila kamu sampai penghujung dirimu sendiri and menyedari yang kamu tidak boleh berbuat apa-apa dan yang kamu bukan apa-apa tanpa Saya, barulah kamu benar-benar boleh menyerahkan kesemuanya. Akan tetapi manusia tidak mahu menyerahkan kehendak-kehendak mereka."

"Hanya saya yang boleh mengalihkan semak-semak liar berduri. Semak-semak liar berduri adalah pertahanan yang manusia dirikan yang menghalang mereka daripada menghampiri Saya. Setiap semak liar berduri melambangkan benda-benda yang boleh memberikan kamu sekuriti, keselesaan dan kekuatan. Benda-benda ini memupuk harga diri dan membuat kamu fikir yang kamu adalah lengkap. Inilah benda-benda di mana kehendak kamu bergantung untuk memupuknya dan mengekalkan identitinya."

"Apabila kamu memahami yang SAYA ADALAH benar-benar Tuhan kamu dan kamu tidak terpisah daripada Saya dan kehendak kamu adalah Kehendak Saya, barulah kamu benar-benar boleh melepaskan semak-semak liar berduri di dalam hidup kamu kepada Saya. Sehingga itu, kamu mendirikan mereka dan menggunakannya untuk tujuan kamu dan terlepas Kehendak Saya dalam hidup kamu. Kalau manusia memilih Kehendak Saya, dan dengan sepenuhnya memeluk Saya, Api Saya akan datang dengan sepenuhnya. Api Saya yang akan membakar semua serpihan yang masih ada supaya kamu boleh membuka pintu dan berjalan dengan Saya secara bebas."

Saya berdiri dan menghampiri semak-semak liar berduri tersebut. Saya melihat semak-semak tersebut dan menyentuh ranting-rantingnya yang bersimpul dan berkusut. Saya berkata, "Tuhan, Saya menyerah kepada Engkau dengan sepenuhnya. Bawalah Api Engkau dan bakarlah semua serpihan, semua pertahanan, semua identiti dan semua kehendak diri saya. Saya bukan apa-apa tanpa Engkau."

Tiba-tiba, kesemua semak-semak liar berduri mula terbakar di depan saya. Semak-semak ini menyala dan dijilat api. Saya berundur dan memerhatikan mereka terbakar. Semak-semak ini berdetas-detus di dalam api sambil api membakar daun-daun dan ranting-ranting. Ada

ketenteraman yang boleh dirasai sambil saya melihat mereka terbakar. Saya menunggu sambil mereka terbakar hingga menjadi tompokan bara-bara api di sini dan di sana.

Kemudiannya saya berjalan melalui tompokan-tompokan api yang masih membakar dan menghampiri pintu tersebut. Pintu tersebut bertutup dan kunci masih di dalam lubang kunci yang lama. Memang pintu yang berat, sangat besar dan lama. Ia mempunyai jaluran keluli yang melalui panel-panelnya. Kunci itu adalah sebatang kunci yang besar dan lama dan ia ada satu pemegang bulat dengan satu gelung di dalamnya. Saya meletakkan tangan saya di dalam gelung tersebut.

Tangan saya muat betul di dalam gelung tersebut. Saya memegang kunci itu dan memusingnya. Ia tidak berpusing. Ia sudah lama ada di dalam lubang kunci itu. Ia seperti tersangkut. Ia pun tidak dapat dikeluarkan dari lubang kunci. Saya berfikir untuk seminit. Apakah kuncinya? Kemudian, saya berfikir, kita masuk ke dalam melalui Darah tersebut. Dengan itu, saya berkata, "Darah Yesus Kristus telah membayar hukuman untuk dosa-dosa ("atone") saya supaya saya boleh masuk sepenuhnya dan berjalan bersamaNya dengan rapat."

Kunci itu berpusing dan lubang kunci berbunyi klik. Saya menyentuh pintu itu. Pintu itu sangat besar dan tinggi. Banyak orang boleh masuk melaluinya dalam satu masa jika ia dibuka. Tuhan kemudiannya berfirman, "Saya Adalah pintu di mana semua manusia boleh masuk ke dalam kerana saya telah membuat jalan ini untuk semua manusia. Saya sanggup membenarkan semua melaluinya jika mereka mahu, tetapi tidak banyak yang mahu memilih."

"Kebanyakan orang mengelakkan pintu ini dan cuba mencari satu jalan lagi untuk masuk ke dalam Rumah Saya. Akan tetapi mereka tidak menangani isu-isu utama, semak-semak liar berduri, dan tidak benar-benar menyerah kepada Saya dan tidak memberi saya kehendak mereka, oleh itu saya benar-benar bukan Tuhan untuk mereka."

"Saya mengambil setiap anak yang datang kepada saya dan membawa mereka melalui pintu-pintu ke Rumah Saya, satu persatu. Setiap orang memegang satu Kebenaran, dan satu kunci untuk hidup mereka. Setiap Kebenaran dan kunci membawa mereka lebih dekat kepada Saya dan membawa mereka pengetahuan yang lebih mendalam tentang Saya. Tetapi tiada pintu yang lain yang boleh membawa mereka lebih dekat ataupun lebih rapat dengan Saya, selain daripada pintu ini. Inilah yang paling ditentang dan yang paling ditakuti."

"Jika kamu tidak menyerah sepenuhnya kepada Saya dan bersatu dengan Saya dan mengambil Persamaan Saya dan Hidup Saya, Saya tidak benar-benar mengenali kamu. Kecuali kamu berubah dengan sepenuhnya, kamu akan tetap jadi seorang yang tidak dikenali dan akan dibuang ke kegelapan di luar pada Kedatangan Saya."

"Manusia berfikir mereka boleh berkhemah di atas Kebenaran-kebenaran Saya dan mengambil bahagian dalam beberapa perkara di sini dan di sana dan menjadinya pentas dan pertahanan tetapi mereka gagal menggunakan Saya, Firman Hidup, Seluruh Kaunsel (Nasihat) Allah, di dalam hidup-hidup mereka dan mereka tidak berubah dengan sepenuhnya. Mereka hanya akan bertambah tersangkut dengan usaha-usaha mereka dan bertambah tersisih daripada Saya."

"Tetapi kamu haruslah memeluk segala Saya dengan sepenuhnya dan melemparkan dirimu dengan sepenuhnya ke atas Saya dan mengambil Saya dengan sepenuhnya sebagai Tuhan dan Allah. Hanya Saya sajalah boleh mengubah kamu sambil kamu memeluk Saya. Hanya Saya saja boleh menjadikan kamu kepada Imej Saya dan bukan kamu sendiri. Jangan ambil satu Kebenaran dan membuang yang satu lagi. Peluklah dengan sepenuhnya semua Firman saya dan biarkannya membuat kerja di dalam kamu. Jangan meninggikan satu Kebenaran di atas yang lain; binalah di atas mereka, makanlah mereka dan biar mereka mendiami kamu."

"Firman saya haruslah dimakan dan bukan dibina ataupun digunakan untuk tujuan manusia. Ia haruslah dipeluk. Ia haruslah diambil and buah hasilnya akan dilihat dalam jalan hidup.

Kehidupanlah yang ada di dalam Firman Saya, jika ia diambil dengan betul akan terbangung di luar. Itulah yang akan ternampak. Penyerahan Hidup adalah hidup yang dapat dilihat oleh semua orang. Ia adalah dibenci oleh banyak orang.”

“Apabila Saya dibayangkan dengan sepenuhnya, perubahan yang sebenar sudah datang.”

“Rumah ini adalah Rumah Saya. Ia dibina di atas asas-asas banyak generasi sebelum kamu. Ia telah melihat banyak hari Kemuliaan dan banyak hari kekalahan. Pada masa ini, ia sudah jatuh dan di beberapa tempat, ia dalam keadaan kopak-kapik, dan yang berlalu ataupun melaluinya tidak menguatkan tembok-tembok dan membersihkan ataupun membaiki pintu-pintu. Mereka hanya mengambil peduli urusan-urusan mereka sendiri dan bukan untuk Rumah Saya. Mereka tidak mahu berubah. Itu akan berubah sekarang.”

“Saya akan membawa Penjaga-penjaga Pintu yang sebenarnya dan mereka akan membaiki Pintu-Pintu.”

“Saya akan mengoyakkan apa saja yang bukan dibina oleh Saya pada Waktu ini dan tiada apa yang dibina oleh manusia akan berdiri sementara Rumah Saya sudah jatuh dan dalam keadaan kopak-kapik. Setiap asas akan didedahkan dan Milik Saya akan dibangunkan. Saya Adalah Tuhan Rumah Saya dan Saya akan mempunyai Rumah Suci yang sesuai untuk Penggunaan Saya.”

“Berusahalah dengan rajin dalam pencarian untuk Kebenaran dan sentiasalah memeluk Saya dengan sepenuhnya. Benarkanlah Firman Saya dibentuk lebih banyak di dalam kamu dan selalulah makan Firman Saya. Jika Firman-Firman Saya mendiami kamu, Saya akan datang lebih mendalam lagi. Sambil kamu memberi lebih banyak ruang kepada Saya, Saya akan terus makan dan minum (“sup”) dengan kamu dan berkongsi dengan kamu dari meja Bapa Saya. Ini adalah kerana daging bukan saja diberikan kepada yang mengingini roti. Ia diberikan kepada yang telah menyerah sepenuhnya kepada Saya.”

Tuhan berpusing dan menolak buka pintu dan masuk ke dalam kota bertembok.

Susan Cummings, 18hb September 2005 pada 3:58 pagi.